



## Jasa Mantan Panglima TD dibukukan

**B**uku 1 Pengabdian, Pengorbanan dan Perjuangan iaitu Biografi Panglima Tentera Darat (PTD) (1956 hingga 2009) pengkisahan yang terkandung dalam buku ini amat menarik dengan rentetan sejarah sejak Tentera Darat (TD) ditubuhkan.

Kegigihan dan kepimpinan peneraju TD dapat dibuktikan dengan keadaan yang aman dan tenteram di dalam Negara Malaysia di atas jerih perih pengorbanan TD di bawah pimpinan Panglima-Panglima TD yang melalui liku-liku sejak Perang Dunia Kedua sehinggalah kemerdekaan negara dicapai dan darurat berakhir.

Usaha ini tidak terhenti setakat itu, kini TD sebagai benteng pertahanan negara berjaya menentukan keselamatan negara dari ancaman luar.

Buku ini merupakan hadiah kepada Panglima-Panglima TD yang telah menyumbangkan pelbagai khidmat semasa menerajui pucuk pimpinan tertinggi TD. Latar belakang dan kejayaan Panglima-Panglima ini sesuai dijadikan pemangkin kepada generasi muda yang ingin mencapai kejayaan.

Perlancaran buku dilaksanakan sempena dengan Majlis Makan Malam Rejimental Sambutan Hari Ulang Tahun TD Ke -76 oleh PTD, Jen Tan Sri Muhammad Ismail Hj Jamaluddin pada 6 Mac 2009.

Ia merupakan usaha yang sangat bermakna dengan mencatat detik-detik sejarah kehidupan

Panglima-Panglima TD yang pastinya mampu menonjolkan keperibadian, sikap keperwiraan dan kepimpinan mereka. Ia turut memaparkan imbasan kenangan semua Panglima-Panglima TD sejak kecil hingga menamatkan perkhidmatan. Segala pengalaman dan kenangan boleh dijadikan sebagai panduan dan dorongan kepada generasi akan datang khususnya warga TD.

Buku ini merakamkan satu nostalgia ataupun imbauan kisah Panglima-Panglima TD yang boleh dikongsi untuk tatapan masyarakat. Banyak pesanan dan petua-petua kepimpinan diperturunkan untuk panduan dan rujukan. Barisan 22 Panglima TD ini boleh dijadikan idola kepada anggota tentera dan generasi muda untuk mencapai kejayaan.

Dengan terbitnya buku ini, sejarah negara kita tidak dilupakan dan kita sentiasa akan mengingati setiap pengorbanan dan usaha TD di dalam menjamin keamanan dan keselamatan negara sentiasa terpelihara.

Cetusan idea untuk mengumpul kisah '1 Pengabdian, Pengorbanan dan Perjuangan... Biografi Panglima TD (1956 hingga 2009)' kini direalisasikan sebagai satu bahan cetak yang mudah untuk dirujuk dan disimpan. Usaha membukukan 'Biografi Panglima TD ini merupakan usaha yang tidak ternilai harganya. Andai usaha ini tidak dilaksanakan, pastinya sejarah akan dilupakan.

Selain itu, Panglima-Panglima TD juga merasa

turut berbangga apabila riwayat sejarah hidup mereka telah dibukukan. Ini menunjukkan jasa mereka dikenang dan dijadikan tanda aras untuk mencapai kejayaan.

Buku ini dapat menggambarkan susur galur sejarah TD dari mula penubuhan sehingga kini dengan berlandaskan jalan cerita dari biografi Panglima TD yang pertama hinggalah Panglima TD yang ke- 22. Peralihan zaman dan perkembangan TD dapat dilihat melalui kepimpinan dan ketrampilan peneraju TD yang memerintah. Selagi adanya usaha sebegini, pasti sejarah akan terus dikenang dan diingati. Jika bukan kita yang berusaha untuk mentranskripsikan bahan-bahan ini ianya akan hilang dan dilupakan.

Buku ini merupakan satu penghargaan kepada Panglima-Panglima TD yang memerintah TD sejak tahun 1956 hingga kini. Mula bertatih di bawah teraju bangsa asing sehinggalah TD berjaya melahirkan pemimpin terdiri daripada warga Malaysia yang terbukti boleh memimpin setanding dengan pemimpin negara asing.

Kini, barisan 22 peneraju TD gah dipersada bidang ketenteraan dan dikenali sebagai pemimpin yang kredibel dan berwibawa.

Kerajaan Malaysia akan sentiasa menyokong usaha TD yang sentiasa memastikan Tentera Darat sentiasa di tahap yang tinggi dan berkeupayaan dalam menangani pelbagai situasi.